# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMED @ MOHD DAUD BIN YUSOFF
PERTUKANGAN PERAK

OLEH:


| | |
|---|---|
| MOHAMAD HABIBULLAH BIN NURULHUDA | 2014808394 |
| MUHAMMAD AZMAWI BIN BARHANUDIN | 2014884872 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ENCIK MOHAMED @ MOHD DAUD BIN YUSOFF

PERTUKANGAN PERAK

OLEH:


| | |
|---|---|
| MOHAMAD HABIBULLAH BIN NURULHUDA | 2014808394 |
| MUHAMMAD AZMAWI BIN BARHANUDIN | 2014884872 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2015)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh,

Alhamdulillah, pertama sekali ingin kami panjatkan kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmat kurnianya kami berjaya menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Dalam proses menyiapkan tugasan ini, memang tidak dapat dinafikan kami menghadapi beberapa kekangan sebelum mulanya proses menemubual tokoh. Namun dengan berkat kesabaran dan istiqamah, semua masalah yang kami hadapi dapat kami tempuhi dengan jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada kami semua untuk menyiapkan projek ini.

Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff kerana tanpa kerjasama beliau, tugasan ini tidak dapat kami siapkan dengan jayanya. Kami juga ingin berterima kasih kepada Encik Mohd Daud kerana telah memberi ruang dan peluang untuk kami mendokumentasikan hasil dan jasa sumbangan beliau selama ini kepada negara.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima-kasih tidak terhingga kepada ibubapa kami yang telah banyak memberi sokongan dan pandangan dalam menjayakan tugasan ini begitu juga rakan seperjuangan.

Sekian terima kasih

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | iv |
| Isi Kandungan | vi |
| Abstrak | viii |
| Biodata Tokoh | x |
| Pengenalan | xii |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 14 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan | 17 |
| Bahagian 3: Sejarah Pekerjaan Awal | 19 |
| Bahagian 4: Pengalaman dan Sumbangan | 22 |
| Bahagian 5: Kerjaya | 38 |
| Bahagian 6: Pesanan dan harapan | 39 |
| Rujukan | 43 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 46 |
| Diari Kajian | 53 |
| Senarai soalan | 55 |
| Surat Perjanjian | 62 |
| Gambar | 64 |
| Indeks | 68 |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

***Abstrak:*** *Temubual ini adalah diantara kami dengan Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff iaitu seorang tokoh Pertukangan Perak di Kelantan dimana beliau ini adalah seorang tukang perak yang berpengalaman dan berkemahiran. Wawancara ini dijalankan di bengkel DY Silver Craft berhampiran Istana Kota Lama, Jalan Gajah Mati, Kota Bharu. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Sabtu 14 November 2015 pada pukul 2.00 petang. Temubual ini berkisarkan tentang latar belakang Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff dan pengalaman beliau mula menceburi bidang pertukangan perak dan menjadi salah seorang Adiguru Negara. Selain itu, tentang pengalaman beliau dalam mengerah keringat membantu mencurahkan pengalaman dan kemahiran yang ada kepada orang yang berminat dalam bidang ini. Dalam proses temubual ini berlangsung, kami dapat mengetahui tentang selok-belok dugaan yang terpaksa dihadapi beliau dalam memartabatkan budaya seni ukiran Melayu ini supaya tidak ditelan zaman.*

*Kata kunci. Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff, pertukangan perak, pengalaman*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| Nama | : Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff |
| Tarikh lahir | : Januari 1946 (69 Tahun) |
| Tempat lahir | : Kota Bharu |
| Tempat tinggal sekarang | : Pengkalan Chepa<br>Kota Bharu |
| Bilangan adik-beradik | : 12 orang |
| Nama Ibu | : |
| Nama Ayah | : |
| Status | : Berkahwin |
| Nama Isteri | : Zaiton Binti Abas |
| Bilangan anak | : 7 orang |
| Bidang | : Pertukangan Perak |
| Pengajian terakhir | : Sijil Pendidikan Menengah (SPM) |
| No/Hp | : |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff. Encik Mohd Daud adalah salah seorang pertukangan perak yang sangat dikenali di negara ini. Selain itu, beliau dikenali oleh jabatan-jabatan, organisasi swasta dan kerajaan dan juga institut pengajian kerana hasil perak beliau telah mendapat kepercayaan oleh pihak tersebut dan barangan perak beliau juga selalu ditempah oleh pihak tersebut. Hal ini kerana hasil produk perak yang dibuat oleh Encik Mohd Daud sangat berbeza dengan seni ukiran tukang perak yang lain.

Untuk pengetahuan, Encik Mohd Daud juga merupakan satu-satunya pertukangan perak yang masih bergiat aktif dalam negara ini. Hal ini dibuktikan melalui temubual yang telah dijalankan dan juga gelaran Adiguru yang telah diberikan oleh pihak Kraftangan Malaysia. Melalui perkongsian pengalaman dan sumbangan ini, ia telah banyak mendedahkan akan kepentingan mempertahankan seni pembuatan dan ukiran perak Melayu untuk mengekalkan budaya Melayu supaya tidak ditelan zaman.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Mohamad Habibullah Bin Nurulhuda dan Muhammad Azmawi Bin Barhanudin** bersama **Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff** mengenai **pengalaman beliau sebagai Pertukangan Perak Kelantan.** Temubual ini dijalankan di **DY Silver Craft, Kota Bharu** pada **14 November 2015.** Berikut adalah hasil rakaman.

| Petunjuk: |
|---|
| EMD:Encik Mohd Daud<br>MH :Mohamad Habibullah |

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**MH : Bilakah Encik Mohamad Daud dilahirkan?**

EMD : Dilahir pada *tiga* [3] haribulan januari tahun *seribu sembilan ratus empat puluh enam* [1946].

**MH : Dimanakah Encik dilahirkan?**

EMD : Di kampung belakang Masjid Muhammadi Kota Bharu

**MH : Adakah tempat tinggal sekarang ini adalah tempat tetap Encik ataupun...**

**disini hanya sebagai kedai ataupun rumah kediaman tu tempat lain?**

EMD : Disini merupakan bengkel dan rumah kedai.Tempat kediaman itu di Kampung Baung Batu Tiga Setengah Jalan Pengkalan Chepa Kota Bharu Kelantan

**MH : Kami nak tahu serba sedikit latar belakang Encik Mohamad Daud siapa nama ibu encik dan nama ayah encik?**

EMD : Nama ibu Minah binti Hassan,dan nama ayah Yusoff bin Awang Kechik

**MH : Encik anak yang ke berapa?**

EMD : Anak yang ke *lima* [5] dari dua belas [12] orang adik beradik.

**MH : Bagaimana dengan keluarga encik?Boleh encik ceritakan tentang keluarga encik?Maksud kami isteri dan anak-anak encik.Siapa nama isteri?Isteri encik berasal dari mana?Pekerjaan isteri encik?**

EMD : Isteri saya namanya Zaiton binti Abas.Dia berasal daripada Rantau Panjang, Kelantan dan bekerja sebagai penjual kain.

**MH : Encik mempunyai berapa orang anak?**

EMD : Ada *tujuh* [7] orang anak.

MH : **Boleh ceritakan tentang anak-anak encik, nama mereka, umur mereka dan sedikit tentang pendidikan mereka?**

EMD : Anak yang pertama lelaki.Nama Ahmad Razi.Umur *empat puluh tiga* [43] .Anak yang *kedua* [2] nama Noraza, umur lebih kurang *empat puluh tahun* [40] .Yang *ketiga* [3] Norain berumur *tiga puluh lapan* [38].Yang *keempat* [4] bernama Faris dan berumur tiga puluh enam [36] tahun.

MH : **Encik ada *empat* [4] orang anak kalau tak silap kami. Pendidikan bagi anak pertama, kedua, ketiga dan keempat.**

EMD : Anak pertama mengikut jejak langkah menjadi seorang pertukangan perak tetapi dia di bahagian pemasaran.Anak yang kedua guru, anak yang ketiga TNB, yang keempat bekerja di syarikat helikopter Westa Kota Bharu.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**MH : Dimanakah encik bersekolah rendah?**

EMD : Sekolah rendah di Sekolah Melayu Pagarong dari darjah *satu* [1] sampai darjah *empat*[4]. Tidak lama kemudian ada *Special Malay* dan ditukar kepada sekolah inggeris.Disitu belajar dalam *enam* [6] tahun sahaja.

**MH : Apakah pencapaian tertinggi yang terbaik pernah Encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?**

EMD : Semasa itu dia tidak ada kokurikulum cuma dia ada *sport* [sukan]. Jadi dalam sukan itu Pok Daud ni terlibat dalam larian mewakili sekolah. Pencapaian dalam akademik hanya Bahasa Malaysia sahaja.

**MH : Adakah Encik menyambung ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?**

EMD : Pak Daud mahu menyambung pelajaran, tetapi industri pertukangan perak ini boleh menjana pendapatan yang lumayan ketika tahun enam puluhan [60an) pada ketika itu. Jadi, ramailah orang ceburi dalam bidang ini.

**MH : Apakah pengalaman yang paling encik tidak dapat lupakan semasa...**

**dialam persekolahan?**

EMD : Larian *cross country* salah satunya acara larian yang tidak dapat Pak Daud lupakan kerana ia bukan calang-calang, lima enam batu memang jauh jaraknya dan tidak sama jaraknya dengan lima hingga enam kilometer.

**MH : Bagaimana pula dengan suasana pembelajaran?**

EMD : Suasana pembelajaran nombor *satu* [1] lah. Nombor *satu* [1] sebab kalau di Kelantan Sekolah Sultan Ismail tu tidak boleh dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang lain di dalam Kelantan kerana ia sekolah terbaik dan diiktiraf oleh kerajaan pada masa itu.

**MH : Bagaimana pula sistem pendidikan sekolah pada ketika itu?**

EMD : Sistem ketika Pak Daud masuk pada masa tu ialah sistem British. Siapa yang bercakap dengan Bahasa Melayu wajib didenda sepuluh sen [10 sen]. Bermakna kami tidak dibenarkan bercakap dalam Bahasa Melayu apabila berinteraksi samada dengan cikgu atau pun dengan kawan-kawan kerana kami akan didenda apabila bercakap menggunakan Bahasa Melayu *fully english* [Bahasa Inggeris sepenuhnya] kalau bercakap didepan cikgu.

**MH : Adakah guru-guru pada ketika itu merupakan dikalangan guru Melayu ataupun daripada luar?**

EMD : Masa tu melayu tak ramai, kebanyakkan guru ketika itu dalam kalangan kaum cina, singh dan Pakistan pun ada masa tu.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: SEJARAH PEKERJAAN AWAL**

**MH : Apakah pekerjaan awal setelah tamatnya pengajian?**

EMD : Setelah tamat pengajian, Pak Daud belajar membuat barangan perak ni dengan bapa saudara.Sebelum membuat barangan perak ini, Pak Daud ada minta untuk bekerja di luar tetapi susah untuk dapat kerja. Oleh sebab itu Pak Daud teruskan bekerja sebagai pertukangan perak sampai hari ini.

**MH : Berapa lama masa Encik Mat Daud ambil untuk belajar pertukangan perak ini?**

EMD : Saya ambil masa selama *tiga* [3] tahun sebagai untuk mengenal dan *lima* [5] tahun untuk saya dapat tahu macammana untuk kenalpasti jenis seni-seni pertukangan dan masuk *sepuluh* [10] tahun saya sudah mahir untuk mengetahui tentang barangan pertukangan perak contohnya dapat lihat dan tahu tahun serta bahan, mutu, *standard* [kelas] pembuatan barangan perak tersebut.

MH : **Sepanjang Encik belajar dengan bapa saudara dalam tempoh beberapa tahun, apakah sumbangan yang encik berikan kepada bapa saudara?**

EMD : Setelah Pak Daud pandai dalam membuat barangan, Pak Daud mengambil *lima* [5] orang untuk bekerja dibawah Pak Daud.Saya mengambil pekerja yang tidak tahu apa-apa lalu dilatih dan diajar. Kalau kita ambil yang sudah pandai, susah untuk kita mengajarnya kerana mereka tidak akan buat seperti yang saya ajarkan.

MH : **Bilakah tarikh dan tahun Encik Daud mula bergiat aktif dalam seni pertukangan perak ini?**

EMD : Setelah tamat persekolahan pada tahun sembilan belas enam puluh lapan [1968], saya mula bergiat dalam bidang seni ini dan pada umur dua puluh lima [25] saya telah menjadi kepala tukang dimana pada msa itu saya telah mengarahkan orang bawahan untuk membuat sesuatu bahagian pada barangan yang dibuat dimana setiap bahagian dibahagi kepada lain-lain pekerja untuk membuatnya.

MH : **Apakah faktor yang mendorong Encik menjalankan bidang karya seni pertukangan perak ini?**

RA : Faktor utamanya kerana guru yang mengajar tu ialah bapa saudara, jadi saya dapat meminta tolong darinya bila-bila masa sahaja.Jika belajar dari guru lain, mungkin saya tidak dapat belajar dengan cepat kemahiran sepertimana bapa saudara sendiri yang mengajar.

**MH : Dalam seni pertukangan perak, apakah bidang yang Encik dalami dalam bidang pertukangan perak?**

EMD : Dalam bidang kepakaran ini, para pekerja telah dilatih untuk mahir dalam bahagian-bahagian ukiran tertentu seperti bahagian panteri, bahagian *body* [badan] ukiran dan bahagian ukiran pahat bunga.

**MH : Adakah Encik berminat untuk mendalami lebih lagi bidang pertukangan perak dan menjadikan salah satu warisan keluarga?**

EMD : Pak Daud sebenarnya jika diikutkan,telah mendalami semua seni ini di Malaysia,dan kraftangan Malaysia juga telah mengiktiraf Pak Daud sebagai salah seorang adiguru pertukangan perak di Malaysia pada *tahun dua ribu sebelas* [2011].

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: PENGALAMAN DAN SUMBANGAN**

**MH : Apakah perasaan Encik bila menjalankan bidang pertukangan perak ini sebagai pekerjaan sepenuh masa?**

EMD : Pak Daud berasa bangga kerana, Pak Daud dapat buat bermacam-macam barangan berasakan perak untuk dijadikan sebagai hadiah.Hadiah ini bukan untuk dihadiahkan kepada orang-orang kebiasaan,sebaliknya ia dihadiahkan kepada ketua-ketua Negara di dunia.Pada dua puluh[20tahun] tahun yang lepas,Pak Daud telah membuat hadiah kepada Duke Of Edinburgh's (Sambil menunjukkan replika sama yang dihadiahkan kepada Duke Of Edinburgh's), *Last*[akhir] sekali, Pak Daud membuat hadiah berbentuk keris kepada Barack Obama pada tahun yang lepas.

**MH : Apakah sumbangan Encik di sepanjang menjadi pertukangan perak?**

EMD : Pak Daud telah memberi sumbangan kepada negara dalam bentuk hadiah perak dimana ia mempunyai kualiti sendiri yang unik dan Negara Malaysia sendiri iktiraf seni perak ini boleh dijadikan hadiah sebagai cenderamata, tidak sama dengan hadiah yang deberikan oleh negara-negara lain seperti Indonesia,Thailand untuk dihadiahkan kepada orang kenamaan.

**MH : Adakah Encik menyediakan kursus pertukangan perak kepada yang berminat dan berapakah harga bagi satu kursus yang dibuat?**

EMD : Dari dulu sehinggalah buat masa sekarang ini, Pak Daud tidak pernah mengenakan bayaran untuk melatih seseorang untuk ceburi bidang ini sebaliknya jika seseorang itu sendiri hendak menceburkan diri,kami mengalu alukan mereka datang untuk belajar sedikit-sedikit tentang seni pertukangan perak ini bermula dari bawah.

**MH : Berapakah tempoh untuk seseorang itu belajar seni pertukangan perak ini?**

EMD : Tempoh yang diperlukan untuk belajar seni ini, ialah *tiga* [3] tahun untuk menjadi separuh mahir dan untuk menjadi mahir,mereka perlu membuat banyak lagi barangan untuk lebih mahir dan terus mendapat pencapaian yang baik dalam seni ini.

**MH : Adakah hasil dari kursus tersebut akan didedahkan kepada orang ramai atau untuk simpanan mereka sendiri, atau Encik sendiri yang menilai dan meletakkannya didalam almari untuk dipamerkan?**

EMD : Apabila Pak Daud suruh mereka menggabungkan elemen baru dengan yang lama yang telah mereka pelajari, kita boleh mengkomersialkan barangan ini… dan ia tidak seharusnya hanya letak di dalam almari.Setiap seseorang mempunyai kemahiran dalam bahagian-bahagian tertentu dan bahagian yang mereka buat akan digabung dan dikomersialkan kepada orang yang berminat.

**MH** : **Adakah semua kursus yang dibuat mendapat perhatian masyarakat dan berbaloikah dengan usaha Encik dengan sambutan daripada masyarakat tentang seni pertukangan perak ini?**

EMD : Setakat ini, kraftangan Malaysia telah mengambil alih bidang untuk melatih dan tempat itu dipanggil institut kraf Negara Malaysia di Rawang,untuk mendapatkan sijil mengambil masa selama *tiga* [3] tahun dan diploma *empat* [4] tahun setengah.Selepas tamat dari institut, mereka boleh terus menceburi bidang ini dengan lebih baik dengan adanya sijil mahupun diploma.

**MH** : **Adakah terdapat maklumbalas [*feedback*] yang positif dari peserta kursus tersebut atau sebaliknya?**

EMD : Setakat ini maklumbalas yang diberi positif kerana mereka boleh lagi menjana pendapatan dengan baik setelah tamat latihan yang diberi oleh institute tersebut kerana kadang-kadang Pak Daud juga selalu pergi kesana untuk tolong membantu mengajar mereka disana.

**MH** : **Adakah Encik mendapat sebarang dana yang diberikan oleh kerajaan dalam pertukangan perak ini?**

EMD : Tiada dana yang diberikan oleh kerajaan pada masa sekarang mungkin kerana…

masalah ekonomi Negara pada masa sekarang, tetapi dahulu ada diberikan bahan mentah oleh kraftangan Negara Malaysia

**MH : Apakah pandangan Encik terhadap barangan perak yang menarik perhatian di kalangan rakyat Malaysia?**

EMD : Barangan perak ni merupakan barangan yang esklusif. Pada *tiga* [3] tahun yang lepas, ada orang yang memperkenalkan barangan piuter, jadi kita telah bersaing dengan mereka. Barangan piuter ini dibuat menggunakan mesin manakala barangan perak pula menggunakan tangan [*handicraft*], tetapi kekuatan serta kekilatan piuter tidak boleh menandingi kekuatan dan kekilatan barangan perak.Pernah sekali gunakan barangan piuter untuk dijadikan hadiah kepada orang-orang ternama tetapi ia tidak seunik barangan yang dihasilkan menggunakan bahan perak.

**MH : Dari pengalaman encik, adakah encik merasakan rakyat Malaysia masih tidak berminat untuk menceburi bidang karya seni seperti ini?**

EMD : Apabila permintaan banyak,ramai orang yang akan berminat.Tetapi dalam... *dua* [2] tahun lepas permintaan agak perlahan kerana harga bahan mentah meningkat terlampau tinggi pada harga empat ribu lapan ratus[RM4,800.00] untuk satu kilogram [1kg] bahan mentah perak (Sambil menunjukkan bahan...

mentah perak didalam beg plastik)

**MH : Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Encik sehingga hari ini dalam bidang pertukangan perak ini?**

EMD : Buat masa sekarang ini, kita tiada cabaran tetapi kita kekurangan tenaga yang mahir kerana ramai golongan yang mahir telah meningkat usia dan tiada pelapis baru yang tampil memberanikan diri buat masa sekarang kerana permintaan pada masa sekarang amatlah perlahan dan tidak banyak seperti dahulu disebabkan kos bahan mentah perak amat mahal.

**MH : Apakah kenangan manis sepanjang Encik Daud menceburi bidang pertukangan perak?**

EMD : Kenangan manis yang pernah lalui ialah semasa Pak Daud diberi tugas untuk membuat barangan perak untuk diberikan kepada golongan atasan contohnya sultan, perdana menteri dan menteri-menteri yang lain dan kejayaan yang paling besar ialah kita dapat menghadiahkan barangan perak ini kepada ketua-ketua negara di dunia dan wakil hadiah daripada Malaysia.

**MH : Apakah pandangan Encik mengenai perkembangan pertukangan perak dari awal penubuhannya hingga kini?**

EMD : Bukan institusi kraftangan yang tidak menarik minat tetapi rakyat Malaysia sendiri yang tidak menghargai kesenian pembuatan barangan perak ini.Sebagai contoh jika barangan yang diinginkan amat pelik dan unik sudah tentu kos pembuatannya mahal,tetapi harus diingatkan kerana barang yang mahal ni pengakhirannya selalu diletakkan di muzium,disitulah generasi baru yang akan datang dapat melihat seni pembuatan perak ini dihasilkan pada zaman dahulu pada ketika itu hanya menggunakan tangan tanpa menggunakan mesin dan disitu sudah nampak kekreativiti orang melayu sudah lama digunakan dan Raja British pada zaman dahulu juga akui kehebatan kesenian orang melayu pada zaman dahulu.

**MH : Pada pandangan Encik, apakah yang harus dilakukan oleh institusi kraftangan di Malaysia untuk mendedahkan kepada pengguna tentang kepentingan mempertahankan seni pertukangan perak?**

EMD : Institusi Kraftangan perlulah membuat *follow up* [mengikuti] pekembangan pelajar yang telah tamat pengajian dan tidak lepas tangan dalam mengikuti perkembangan mereka dalam bidang pertukangan perak ini.

**MH : Setakat ini apakah pendapat Encik terhadap perkembangan bidang pertukangan perak di Malaysia?**

EMD : Pertukangan perak di Malaysia ini hanya di Negeri Kelantan sahaja yang ada iaitu di Kota Bharu dan di negeri lain hanya pembuatan cincin sahaja tiada pembuatan perak.

**MH : Pada pandangan Encik, adakah prospek 'seni pertukangan perak' di Malaysia terjamin di masa akan datang?**

EMD : Seni pertukangan perak ini tidak akan mati kerana dengan seni ini ia dapat menghasilkan sesuatu barangan yang unik.Seni ini telah bertapak pada tahun *lima puluhan* [50-an] lagi sampailah pada hari ini masih lagi teguh, cuma hanya bertukar generasi sahaja.

**MH : Dari kajian yang kami buat, Encik juga menggunakan peralatan moden dalam pertukangan perak?**

EMD : Kita gabungkan lah moden dengan tradisional iaitu moden dalam *tiga puluh...* peratus[30%] dan tradisional tujuh puluh peratus[70%].Kami cuba untuk memodenkannya lagi tetapi kami tidak mampu untuk membeli mesin moden yang harganya mencecah ratusan ribu ringgit.

**MH** : **Berdasarkan pengalaman Encik dalam bidang ini, adakah perbezaan alatan traditional dengan alatan moden mempengaruhi masa dalam menyiapkan pembikinan produk?**

EMD : Pembuatan secara menggunakan mesin ini hanya sekadar untuk menolong sahaja.Tetapi secara keseluruhannya dalam pembuatan perak ini menggunakan cara tradisional,ini kerana permintaan tidak banyak dan mesin juga tidak mencukupi.Penggunaan mesin ini hanya digunakan untuk membentuk ,meleper ,mendawai ,membulat *shape*[bentuk].Sebelum adanya mesin, dulu kami menggunakan cara memukul untuk membentuk sesuatu bahan perak ini.

**MH** : **Dari pengalaman dan kemahiran Encik, adakah kualiti produk juga dipengaruhi oleh peralatan yang digunakan?**

EMD : Dengan menggunakan cara dahulu seni pembuatan menjadi kasar dibandingkan dengan cara pembuatan pada zaman sekarang lebih halus serta ketebalan perak yang dihasilkan dapat dibuat dengan sempurna.

**MH** : **Pada pengkajian saya, Encik mempunyai sebuah syarikat yang bernama DY Silver Craft, jadi bilakah tarikh tertubuhnya syarikat tersebut?**

EMD : Syarikat ini ditubuhkan pada tahun *sembilan belas lapan puluhan*[1980an] lebih kurang *tiga puluh* tahun[30 tahun] yang lepas selepas Pak Daud mula bergiat…

aktif dalam seni ini.

MH : **Tujuan utama Encik menubuhkan syarikat tersebut?**

EMD : Pertamanya tujuan Pak Daud tubuhkan syarikat ini adalah untuk menjual produk yanga dihasilkan sendiri.Keduanya ialah untuk anak-anak supaya mereka dapat mewarisi seni ini daripada Pak Daud sekiranya Pak Daud tidak larat lagi untuk meneruskan karya seni ini.

MH : **Pada pengkajian kami Encik telah ada 10 orang pekerja.Adakah sekarang bilangan pekerja yang bekerja dengan Encik bertambah?**

EMD : Bilangan pekerja sekarang semakin berkurang kepada enam[6] orang kerana permintaan pada masa sekarang menurun, jadi Pak Daud terpaksa mengurangkan bilangan pekerja.

MH : **Adakah dengan mengurangkan pekerja,ia akan memberi kesan kepada hasil produk yang dibuat contohnya dari segi masa untuk menyiapkan produk tersebut?**

EMD : Apabila permintaan sedikit, Pak Daud akan menggunakan tenaga pekerja... sedikit sahaja.Dengan adanya enam[6] orang pekerja kami mampu menyiapkan barangan yang ditempah dengan kuantiti yang sedikit.Sekiranya permintaan barangan kembali meningkat,Pak Daud akan mengambil balik orang untuk kembali bekerja.

**MH : Adakah pengambilan pekerja tersebut dinilai daripada kemahiran mereka atau dilatih oleh Encik sendiri dan majoriti berapa tahunkah umur mereka?**

EMD : Pekerja akan dilatih dan Pak Daud akan kenalpasti setiap pekerja boleh melakukan setiap kerja dengan baik dan jika permintaan meningkat,Pak Daud akan mengambil kembali pekerja yang bekerja sementara dengan Pak Daud dahulu. Majoriti umur *lapan* belas tahun[18 tahun] dan yang belum berkahwin.

**MH : Apakah pendekatan yang Encik gunakan untuk menguruskan pekerja-pekerja ini?**

EMD : Pak Daud akan bagi kontrak maksudnya siapa pekerja yang dapat membuat banyak barangan maka dia akan dapat gaji yang banyak dan siapa yang membuat kerja sedikit maka dia akan dapat sedikit laa gaji.Jika Pak Daud memberi gaji yang sama kepada semua pekerja, ia akan menjadi tidak adil kepada pekerja yang dapat membuat barangan dengan banyak.

**MH : Jadi berdasarkan pengalaman Pak Daud, untuk setiap tempahan... contohnya tempahan daripada sultan,adakah Pak Daud sentiasa memantau atau meletakkan 100% kepada pekerja ketelitian kualiti setiap kali penghasilan produk?**

EMD : Kualiti *control* [kawalan] kita perlu jaga.Kualiti ini kita jaga dari bahan...

mentah lagi.Jika kita lihat pada bahan mentah tidak menepati *standard* [piawaian] yang kita mahukan, akan di*reject* [dibuang] terus.Jika kita gunakan juga bahan mentah yang tidak elok maka hasil barangan yang dihasilkan akan menjadi tidak cantik.

MH : **Dimana seperti yang kita tahu hasil produk Encik sentiasa mendapat tempahan seperti dari pihak kerajaan negeri, universiti malah juga dari pihak istana. Jadi adakah ketelitian produk perak ini dinilai pada tahap-tahap tertentu misalnya jika raja kualitinya lain dan jika universiti kualitinya lain penghasilan produk?**

EMD : Tidak. Kita akan membuat produk tersebut dengan kualiti yang sama sahaja, yang pastinya barangan yang dihasilkan sentiasa kemas dan bersih serta cantik penghasilannya.

MH : **Setakat ini, adakah bayaran barangan perak ini, diterima setanding dengan cara perbuatan atau sekali ganda dari harga modal?**

EMD : Ukiran yang kemas mempengaruhi seni penghasilan perak ini,selain itu ia juga perlulah bersih dan bentuk yang dihasilkan mestilah cantik tidak ada *reknyuk petok*[tidak betul].Jika bentuknya tidak cantik,mungkin harganya menjadi murah,jadi kami tidak akan memasarkannya kecuali ada individu yang inginkan barangan yang murah dan kami akan menjual kepada individu tersebut.

MH : **Adakah Encik pernah mewakili negara dalam apa-apa pertandingan atau pertunjukan yang berkaitan dengan bidang seni ini?**

EMD : Kebanyakkan Pak Daud terlibat hanya kepada demontrasi diluar negara dan didalam negara.Negara Myanmar juga pernah mengiktiraf kami sebagai delegasi dari Negara Malaysia untuk menyertai program yang dianjurkan oleh mereka.

MH : **Kiranya,dalam program itu mereka mengumpulkan semua penggiat seni kraf dari seluruh Negara?**

EMD : Ya.Semua penggiat seni kraf berkumpul dan mempamerkan cara-cara tersendiri dalam penghasilan produk-produk kraf, dan Pak Daud salah seorang wakil dari Negara Malaysia.

MH : **Pada pendapat Encik, adakah penghasilan produk Encik masih bersesuaian dan sentiasa mengikut perkembangan terkini?**

EMD : Pada masa sekarang Pak Daud lihat, barangan perak mulai berkembang kembali seiring perkembangan terkini. Ini kerana kemunculan tukang-tukang perak yang lama telah berkurang, hanya ada 2 hingga 3 orang sahaja, jadi jika pelanggan ingin menempah barang,susah bagi mereka ingin mencari tukang yang boleh buat barangan perak,jadi permintaan akan meningkat dan kos bahan mentah akan menurun dan kami akan dapat tempahan yang banyak.

MH : **Bagaimanakah cara Encik menghasilkan produk yang mengikuti...**

**peredaran zaman sekarang? – contoh: adakah dengan mendapatkan maklumat terbaru dlm seni pertukangan kraf perak dengan melayari internet atau dengan cara lain?**

EMD : Idea daripada olahan Pak Daud sendiri misalnya,barangan yang diminta oleh PM ialah alat tradisional sama ada barang permainan atau pun barangan kegunaan masyarakat contohnya,gitar,rebat,rebana,dan lain-lain permintaan.Pak Daud akan hasilkan barangan mengikut citarasa serta kemahuan yang dinginkan oleh mereka.Pak Daud telah berkecimpung di dalam bidang ini selama empat puluh tahun[40 tahun] dan Pak Daud telah mengetahui macam mana citarasa kebanyakkanpelanggan Pak Daud dan kebanyakkan daripada mereka inginkan barangan tradisional contohnya gong,dan jika inginkan ciri-ciri keislaman mereka memilih rahal al-quran (sambil menunjukkan gong dan harganya mencecah RM 3,000.00 dan rahal al-quran mencecah RM5,000.00 dan menggunakan perak sepenuhnya dan mutunya 925.)

MH : **Apakah kemahiran yang sepatutnya ada dalam diri setiap pertukangan perak ini?**

EMD : Nak menjadi tukang perak ni, seseorang itu mestilah mempunyai ciri-cirinya dan ciri yang pertamanya ialah seni.Kalau orang-orang tua di Kelantan dahulu mereka menggelarkan sebagai *patak siput*[seseorang yang kreatif dan berbakat].

MH : **Apakah sumbangan dan peranan Kraftangan Negara Malaysia terhadap perkembangan industry kraf yang ada di Malaysia?**

EMD : Pak Daud telah menganggap mereka sebagai bapa kepada seni kraf kerana, apa-apa perkara Pak Daud akan merujuk kepada mereka. Jika Pak Daud inginkan bantuan, Pak Daud akan minta dari mereka seperti bantuan alat-alatan dan kursus dan kemahiran yang diperlukan. Sebarang pinjaman kewangan mereka menggalakkan kerana akan mengakibatkan penyalah gunaan wang.

MH : **Adakah wujudnya barangan pertukangan perak yang di ciplak hakciptanya menjadi masalah bagi Kraf Negara Malaysia?**

EMD : Buat masa sekarang, masalah hakcipta tiada kerana barangan yang dihasilkan oleh kami amat mahal dan jika mereka ingin juga membuat barangan yang sama ia tidak akan menjadi kerana susah untuk membentuk barangan yang dihasilkan dari bahan perak. Ada yang ciplak hanyalah mutu sahaja dimana mereka menghasilkan barangan yang sama menggunakan bahan tembaga manakala Pak Daud menggunakan perak dan Pak Daud menjual barangan itu pada harga RM 2,000.00 ringgit manakala mereka menjualnya dengan harga RM 1,500.00 ringgit dan mereka mendakwa bahawasanya mereka juga menjual barangan perak padahal ianya tembaga kerana inginkan keuntungan yang lebih.

MH : **Apakah tindakan yang diambil oleh Kraf Negara Malaysia untuk menangani isu hakcipta?**

EMD : Dahulunya, pihak Kraf Negara Malaysia mahukan Pak Daud *pattern*kan *design* [rekaan] tetapi Pak Daud ketika itu tidak mampu lagi untuk mem patternkan kerana pengeluaran yang dikeluarkan hanya sedikit, Jika banyak bolehlah...

dihakciptakan

MH : **Pada pendapat Encik, mengapakah budaya rakyat Malaysia sekarang ini lebih cenderung mengagungkan barangan berjanama barat berbanding barangan tempatan sendiri dari segi hasil karya seni kerana apabila mereka berada diluar Negara dan teruja dengan hasil seni barat berbanding hasil seni tempatan sendiri?**

EMD : Pak Daud merasakan rakyat di Malaysia buta dalam menilai seni tempatan sendiri,contohnya apabila mereka ingin membuat cincin lalu menayakan harga pembuatan sebentuk yang berharga RM200.00 ringgit tetapi mereka masih inginkan harga yang lagi murah.Ini bermakna mereka ini buta dalam menilai pembuatan sesuatu seni itu sendiri.Pelancong dari Australia menyatakan bahawa disana harga sebentuk cincin bersamaan dengan harga untuk mereka makan selama seminggu ,ini bermakna bayaran untuk sebentuk cincin disana amat lumayan dan mereka disana pandai dalam menilai seni pembuatan ini.

